



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	23/8/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	JHL Sabah			

# Rampas dadah pemburu haram

HM, 23 Ogos  
2021\_17

**Keningau:** Selain senapang buatan sendiri, sejumlah dadah turut dirampas daripada tiga lelaki yang ditahan kerana dipercayai menjalankan kegiatan pemburuan haram di Hutan Simpan Sepulut di sini, kelmarin.

Dalam operasi jam 1 pagi itu, Pasukan Gerakan Am (PGA) dalam Op Bersepadu Khazanah (OBK) merampas selaras senjata api buatan sendiri jenis bakakuk dan tiga pekot plastik berisi syabu.

Komander Briged PGA Sabah, Senior Asisten Komisioner Mohd Abduh Ismail berkata, operasi bersepadu itu dijalankan dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Hidupan Liar Sabah dan Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF).

Katanya, ketika rondaan dijalankan di Batu 63, Hutan Simpan Sepulut, pasukan operasi terserempak dengan sebuah kenderaan pacuan empat roda dalam keadaan mencurigakan.